

WUJUD SUASANA PEJABAT SIHAT

Kepekaan majikan terhadap aspek kesihatan pekerja dapat meningkatkan produktiviti syarikat

Aniza Zainudin
anizazainudin@

hmetro.com.my

Menghabiskan masa di tempat kerja antara lapan hingga 10 jam bergantung kepada keperluan tugas, mengiyakan anggapan pejabat sebagai rumah kedua buat individu yang berkerjaya.

Bagi segelintir individu, keterbatasan waktu menjadi halangan mereka memperuntukkan masa untuk menjalani kehidupan lebih sihat terutama perihal aktiviti kecergasan.

Berdasarkan situasi ini, pihak majikan dilihat sebagai entiti penting menjalankan tanggungjawab dalam mewujudkan persekitaran tempat kerja yang sihat.

Naib Presiden Kanan dan Ketua Pegawai Kesihatan, Vitality Group, Derek Yach berkata kepekaan majikan terhadap aspek kesihatan pekerja dapat meningkatkan produktiviti, sekali gus membawa kejayaan dalam syarikat.

“Berbanding mempertimbangkan kos bakal dilaburkan bagi kesihatan pekerja, majikan seharusnya mengambil pendekatan sebaliknya dengan mewujudkan suasana kesihatan di tempat kerja.

“Tindakan

mempromosikan gaya hidup sihat di tempat kerja memberi bonus kepada sesebuah organisasi termasuk meningkatkan prestasi perniagaan yang bergantung kepada produktiviti sumber manusia.

“Kedua, usaha ini menjadi tarikan kepada bakat baru untuk menyertai syarikat kerana polisi dilakukan majikan,” katanya dalam sidang media pelancaran tinjauan Tempat Kerja Paling Sihat di Malaysia oleh AIA Vitality, baru-baru ini.

Fokus dalam bidang kesihatan global, Yach berkongsi beberapa asas utama kepada organisasi dalam mencipta persekitaran tempat kerja lebih sihat, antaranya, komitmen majikan untuk memulakan langkah pertama.

Inisiatif pertama boleh dimulakan dengan mewujudkan budaya gaya hidup sihat, biarpun ia kecil, namun memberi impak besar kepada pekerja.

“Majikan perlu mengambil kira aspek kesihatan dalaman pekerja seperti bebanan kerja, tekanan dan kurang waktu tidur yang menjejaskan

prestasi serta produktiviti harian.

“Penganjuran program kecergasan di syarikat yang membabitkan penyertaan semua pekerja antara batu loncatan kepada permulaan usaha ini.

“Apabila seseorang individu memulakan gaya hidup sihat, mereka akan mencari sumber nutrisi sihat dan memperlahankan aktiviti kurang berfaedah seperti merokok mahupun pengambilan makanan ringan.

“Selain itu, agama, budaya, kedudukan geografi mempengaruhi program kesihatan yang

cuba diperkenalkan di tempat kerja. Justeru, pihak majikan boleh mendapatkan khidmat rundingan untuk menjayakan usaha ini,” katanya.

Kata Yach lagi, budaya kesihatan di tempat kerja memberi motivasi besar kepada pekerja, seterusnya memacu produktiviti mereka ke tahap optimum dan membawa kecemerlangan sesebuah organisasi.

Ketua Pegawai Pemasaran AIA Berhad Eric Chang berkata, kekurangan data dan kajian dalam

kesihatan di tempat kerja di Malaysia membuatkan pihak tertentu sukar memperkenalkan program pembangunan kesihatan di organisasi

“Menerusi tinjauan Tempat Kerja Paling Sihat di Malaysia oleh AIA Vitality,

kita dapat menganalisis trend kesihatan di tempat kerja dan mengiktiraf usaha dilakukan majikan dalam menggalakkan kesihatan tempat kerja.

“Saya yakin hasil tinjauan ini dapat membantu pelbagai pihak termasuk majikan dalam menambah baik dan membangunkan pelan strategi mempromosikan kesihatan di pejabat.

“Malah, pihak kerajaan juga boleh memanfaatkan data ini, sekali gus memperkenalkan dan melaksanakan program tempat kerja sihat secara menyeluruh,” jelasnya.

Terbuka secara percuma kepada semua organisasi sehingga 15 Mei nanti, tinjauan anjuran AIA Vitality dengan kerjasama RAND Europe dan Universiti Kebangsaan Malaysia ini bakal mengenal pasti Majikan Paling Sihat, Pekerja Paling Sihat dan Tempat Kerja Paling Sihat di Malaysia.

